



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

SIARAN MEDIA

PORTAL MYWANITA BANTU PEMASARAN PRODUK USAHAWAN WANITA

KUALA LUMPUR, 4 JUN – Pemerkasaan ekonomi wanita merupakan salah satu strategi utama dalam mempertingkatkan status ekonomi serta penyertaan wanita dalam tenaga kerja selaras dengan hasrat kerajaan dalam RMK-11 agar kadar penyertaan dalam pasaran tenaga kerja dapat ditingkatkan kepada 59% menjelang tahun 2020. Bagi mencapai hasrat ini, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) khusus buat wanita menceburi bidang keusahawanan.

Di antara program keusahawanan wanita yang dijalankan oleh KPWKM melalui agensi di bawahnya adalah program peningkatan pendapatan Akhir Zaman Miskin (1AZAM), Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), I-Keunita dan pemberian geran pelancaran kepada klien Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi memastikan para usahawan dapat memasarkan produk yang dihasilkan, Portal MyWanita telah diwujudkan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) khusus untuk membantu golongan sasaran di bawah JPW yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

"Seramai 458 usahawan di bawah JPW telah berdaftar dengan portal MyWanita untuk memasarkan produk-produk dan perkhidmatan mereka," kata Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sewaktu Slot Sepetang YB Menteri di Program SSM-ONE 2015, di sini hari ini.

Tambah Rohani, beliau menyeru agar lebih ramai wanita agar berdaftar melalui portal tersebut supaya lebih banyak produk –produk yang pelbagai, kreatif dan unik dapat dketengahkan dan seterusnya dapat dipasarkan bagi meningkatkan ekonomi wanita di negara ini. Beliau turut menambah bahawa bidang keusahawanan tidak terhad dijalankan secara individu, malah boleh bergerak secara berkumpulan melalui Komuniti PERWANI.

Majlis turut menyaksikan seramai 34 orang usahawan JPW menerima sijil pengiktirafan di atas kejayaan di dalam bidang perniagaan manakala seramai 9 orang telah menerima geran pelancaran berjumlah RM2700.

Turut serta dalam Slot Sepetang YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim tersebut adalah Puan Shakirah Abdul dari Google Malaysia, PenMerah.Com, dan Encik Ahmad Shahrir dari Multimedia Development Corporation (MDEC).

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my